SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

*Tel.* : *03-5514 2134 (Terus)*
: *03-5544 7042/7043/ 7045/7520*
*Faks* : *03-5510 3062*

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
23 FEB 2016

IPK.Sel.Pent. 100-1/7/2 ( 6 )
8 Jamadilawal 1437
17 Februari 2016

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan Negeri Selangor

YAD. Dato' Setia / YBhg Dato' / Datin Paduka/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING SUK BIL. 3 TAHUN 2016**
**PENGGUNAAN LENCANA KERETA DI NEGERI SELANGOR**

Saya dengan hormatnya menjunjung titah DYMM Sultan Selangor serta menarik perhatian YAD. Dato' Setia / Y.Bhg Dato' / Datin Paduka / Tuan/ Puan berhubung perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan DYMM Sultan Selangor telah menitahkan bahawa penggunaan lencana kereta di Negeri Selangor hanya dibenarkan kepada mereka seperti berikut ;

2.1. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
2.2. Ahli Dewan Diraja Selangor
2.3. Orang Besar Daerah Negeri Selangor
2.4. Ahli Dewan Negeri Selangor

3. Titah oleh DYMM Sultan Selangor ini adalah disebabkan terdapat ramai yang mengambil kesempatan menggunakan lencana orang-orang kenamaan yang boleh mengelirukan pihak polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk mendapatkan keistimewaan atau pelepasan daripada tindakan undang-undang. Disamping itu, Baginda juga berkenan supaya pengusaha-pengusaha kedai yang menjual lencana kereta mesti disiasat dan diberi teguran supaya tidak menjual lencana kereta dengan sewenang-wenangnya.

4. Sekiranya terdapat penggunaan lencana kereta yang bukan hak mereka yang telah ditentukan, aduan kepada pihak polis atau JPJ hendaklah dibuat supaya tindakan dapat diambil ke atas mereka yang menggunakan lencana kereta tanpa kebenaran.

4. Penggunaan lencana kereta yang dimaksudkan ini adalah sebarang lencana kereta yang diletakkan di bahagian hadapan atau belakang kenderaan sama ada Kenderaan Rasmi Jabatan , Kereta Rasmi Jawatan atau kenderaan persendirian.

5. Kerjasama pihak YAD. Dato' Setia / YBhg Dato' / Datin Paduka/ Tuan/ Puan bagi menjunjung titah DYMM Sultan Selangor ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'**
**'TERBAIK DARIPADA KAMI'**
**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)**
D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.

**EDARAN DALAMAN**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

Sekretariat Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor

**SEKRETARIAT PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**Setiausaha Bahagian,**
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Tkt.3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM.

**Timbalan Pengarah**
Seksyen Makro dan Penswastaan
Tkt. 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM

**Setiausaha Bahagian**
Bahagian Teknologi Maklumat
Tkt. 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM

**Ketua Setiausaha Sulit Kepada**
Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor,
Tkt. 21, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40000 SHAH ALAM

**Setiausaha Bahagian**
Bahagian Khidmat Pengurusan
Tkt. 18, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM

**Setiausaha Bahagian**
Pejabat Dewan Negeri Selangor
Tingkat 2, Bangunan Annex
40000 SHAH ALAM

**Ketua**
Bahagian Audit Dalam
Tkt. 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM

**Ketua Penolong Setiausaha**
Unit Integriti
Tingkat 7, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM

**Timbalan Pengarah**
Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan
Tkt. 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM